Harian Metro
Metro Ahad
Tarikh: 2/6/12
Hari: SABTU M/S: R24/R25
Ruangan: RAP



# Perubahan besar Firdaus

## Menampilkan artis hebat tempatan untuk berkolaborasi dalam album Saat Terindah

>>Oleh Norhadiani Baharom
yanie@hmetro.com.my

LIMA tahun masa diambil untuk menghasilkan album kelima dan tempoh itu menyaksikan bukan sedikit kelainan cuba dilakukan Firdaus, malah perubahan yang boleh disifatkan secara total.

Itulah ekspresi ramai pihak sewaktu menghadiri majlis pelancaran album terbaru mereka, Saat Terindah, yang diadakan Rabu lalu, di Restoran Seri Melayu, Jalan Conlay. Majlis pelancarannya disempurnakan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir.

Mempertaruhkan irama kontemporari, Firdaus yang ditubuhkan pada 1997, dulunya dikelompokkan sebagai sebuah kumpulan nasyid, kini lebih selesa melabelkan diri mereka sebagai kumpulan vokal berharmoni.

Peralihan muzik mereka turut mempengaruhi penampilan setiap anggota yang mengikis imej tipikal artis nasyid iaitu tidak lagi berkopiah mahupun bersongkok. Sebaliknya, mereka mengenakan imej yang mengikuti aliran semasa.

Justeru, bagaimanakah reaksi peminat terhadap perubahan mendadak Firdaus? Mungkinkah mereka sendiri terbeban saat membuat keputusan itu?

"Keputusan yang melegakan sebenarnya kerana inilah diri kami yang sebenar. Peringkat awal dulu, susah sebenarnya untuk kami mencari imej yang sesuai.

"Tambahan pula, untuk album pertama dan kedua, memang kami ketengahkan irama nasyid sepenuhnya. Bagaimanapun, masuk album ketiga dan keempat, kami sudah mula melakukan sedikit demi sedikit perubahan.

"Mungkin peralihan ini agak janggal diterima pendengar. Walau bagaimanapun, anggota Firdaus sejak dulu lagi memang terbuka soal penggunaan instrumen mahupun susunan muzik yang dimuatkan ke dalam album kami.

"Pendek kata, apa yang orang dengar dan lihat Firdaus sekarang, inilah diri kami yang sebenar. Namun, perubahan nyata ini langsung tidak mengubah perjuangan dan falsafah kami yang masih memperjuangkan lagu berunsurkan nasihat, ketuhanan, kerohanian dan masyarakat sejagat," kata Mohd Idzwan Yacob (Idzwan), 34.

Selain Idzwan, Firdaus turut dianggotai Mohammad Tarmizi Mahli (Midi), 35, Mohammad Ismandi Wasli (Is), 33, dan Anas Tahir (Anas), 29.

Anas adalah anggota baru yang menggantikan posisi ahli lama, Mohd Rasul Mohd. Noor, 34, yang kini melan-

